



KEMENTERIAN PENDIDIKAN  
LEMBAGA PEPERIKSAAN

# **KUPASAN** **MUTU JAWAPAN**

SIJIL PELAJARAN MALAYSIA  
TAHUN 2022

BAHASA MELAYU  
KERTAS 1  
1103/1



## 1.0 INSTRUMEN PENTAKSIRAN

Kod Mata Pelajaran	:	1103/1
Bentuk Ujian	:	Ujian Subjektif
Markah Penuh	:	100 Markah
Masa	:	2 Jam

### 1.1 REKA BENTUK INSTRUMEN PENTAKSIRAN

Kertas 1 mengandungi 2 bahagian, iaitu **Bahagian A** dan **Bahagian B**.

**Bahagian A** : Mengandungi 1 soalan (30 markah).  
Soalan wajib dijawab.

**Bahagian B** : Mengandungi 4 soalan pilihan (70 markah).  
Calon perlu menjawab 1 soalan sahaja.

## 2.0 PRESTASI CALON

### 2.1 PRESTASI CALON BAHAGIAN A

#### 2.1.1 Prestasi Keseluruhan

Pada keseluruhannya, calon memahami tugas soal dengan tepat dan dapat menghuraikan idea dengan jelas. Bagi calon cemerlang, kematangan dalam menyampaikan idea terserlah dengan huraian jelas dan contoh yang sesuai. Calon juga dapat membuktikan kemampuan mereka menguasai hukum tatabahasa bahasa Melayu. Walau bagaimanapun, masih terdapat segelintir calon yang gagal menguasai kemahiran menulis dan tidak dapat menyampaikan idea dengan baik dan berkesan.

#### 2.1.2 PRESTASI MENGIKUT KUMPULAN CALON

##### Kumpulan Prestasi Tinggi

Karangan calon menepati tema soalan. Idea dihuraikan dengan jelas dan matang, disertakan dengan contoh yang sesuai. Bahasa calon pula gramatis dari aspek kata dan ayat, kosa kata luas serta tepat. Penggunaan tanda baca betul dan tepat. Wacananya lengkap dan unsur bahasa yang digunakan bervariasi. Calon turut menggunakan ungkapan menarik.

##### Kumpulan Prestasi Sederhana

Jawapan calon masih menepati tugas berdasarkan bahan rangsangan yang diberi. Idea calon masih relevan. Huraian idea masih jelas. Calon menggunakan bahasa yang masih gramatis dari aspek kosa kata dan ayat. Selain itu, penggunaan kosa kata umum dan terhad. Wacananya masih lengkap dan unsur bahasa masih bervariasi.

## 2.2 KUPASAN JAWAPAN BAHAGIAN A

Petikan dan grafik di bawah menunjukkan maklumat berkaitan dengan amalan menabung.

Berdasarkan maklumat tersebut, huraikan pendapat anda tentang **amalan menabung** dalam kalangan Masyarakat.

Panjang huraian anda hendaklah antara **150 hingga 200 patah perkataan**.



Menabung didefinisikan sebagai 'menyimpan wang dalam tabung' dan sering kali dikaitkan dengan simpanan wang. Menabung kini boleh dilakukan secara fizikal atau perbankan Internet bergantung pada kemudahan dan kesesuaian individu.

Sumber: [www.mywilayah.com](http://www.mywilayah.com)



**SIMPAN UNTUK DANA KECEMASAN**

Untuk kos membaiki kereta, kehilangan kerja secara tiba-tiba atau kos perubatan yang tinggi



**Menabunglah untuk masa depanmu**

Tabungan Pendidikan, Tabungan Masa Depan

Calon perlu menulis maklumat bagi menghuraikan **kepentingan, faedah, manfaat, kebaikan amalan menabung**. Calon dikehendaki menjawab berdasarkan maklumat yang diberikan seperti di bawah:

- Kegunaan pada waktu kecemasan
- Untuk kegunaan pada masa hadapan
- Contoh membaiki kereta, kehilangan kerja secara tiba-tiba dan kos perubatan yang tinggi.

## Contoh Jawapan Calon Prestasi Tinggi

Dasawarsa ini, amalan menabung semakin luntur dalam kalangan masyarakat pada hari ini. Menabung boleh didefinisikan sebagai menyimpan wang dalam tabung dan seing kali dikaitkan dengan simpanan wang. Menabung kini boleh dilakukan secara fizikal atau perbankan internet bergantung pada kemudahan dan kesesuaian individu. Menabung memberikan pelbagai manfaat kepada masyarakat. ~~Oleh itu~~, persoalannya, apakah manfaat-manfaat yang dapat diperoleh jika kita memupuk amalan menabung?

Salah satu manfaat yang dapat kita peroleh ialah menabung dapat menjamin kehidupan pada masa akan datang. Umum mengetahui bahawa, hidup ini ~~ibarat~~ ibarat roda yang berputar, kita tidak semestinya sentiasa berada dalam keadaan yang selesa. Sebagai analoginya, kita boleh berada dalam keadaan kesusahan pada bila-bila masa sahaja seperti kehilangan kerja secara tiba-tiba atau kos perubahan yang tinggi. Sekiranya kita mempraktikkan amalan menabung, sudah pasti kita dapat menyelesaikan masalah yang dihadapi. Tegastah bahawa, amalan menabung dapat membantu kehidupan kita pada masa hadapan.

Seterusnya, amalan menabung dapat melahirkan sikap disiplin dalam diri seseorang. Seperti sedia maklum, jika seseorang individu <sup>sentiasa</sup> didedahkan dengan amalan menabung sudah tentu individu tersebut akan lebih berwaspada dalam menguruskan perbelanjaannya. Sebagai tamsilnya, seseorang individu perlulah menetapkan <sup>had perbelanjaan</sup> ~~kos penggunaan~~ hadnya. Sekiranya <sup>jumlah</sup> ~~had peng~~ perbelanjaan harian seseorang tidak ditetapkan, pastinya individu tersebut akan bersikap boros sekaligus menyebabkan pembaziran. Pendek kata bahawa, sikap disiplin dapat dipupuk melalui amalan menabung.

Di samping itu, keinginan seseorang juga dapat dipenuhi dengan aktiviti menabung. Hal ini dikatakan demikian kerana, masyarakat pada hari ini khususnya remaja <sup>mudah</sup> ~~sering~~ terpengaruh dengan trend semasa. Sebagai contoh, remaja pada ~~hari ini~~ ~~maka masa kini~~ hari ini sering ardedahkan dengan teknologi yang canggih dan terkini seperti telefon pintar, ~~laptop dan~~ komputer riba dan sebagainya. Kesannya, remaja akan lebih mempraktikkan amalan menabung saban hari untuk memenuhi keinginan mereka persis untaiqan peribahasa ~~usaha gagal tidak dipecahkan ruyung~~ manafan dapat sagung. Jelaslah bahawa, menabung dapat memenuhi keinginan seseorang.

Tuntasnya, amalan menabung mempunyai pelbagai manfaat dalam kehidupan dan kita seharusnya menerapkan amalan menabung sejak kecil bak kata pepatah meluntur buluh biarlah dari rebungnyq. Menabung juga dapat menjamin keberlangsungan hidup pada masa akan datang walaupun mengambil masa yang agak lama untuk mendapatkan sesuatu persis peribahasa sifit-sifit, lama-lama jadi bukit. Oleh itu, menabunglah untuk masa depan anda.!

Calon menjawab tugasqan soalan dengan tepat. Calon dapat menghuraikan kepentingan, faedah, manfaat, kebaikan amalan menabung berdasarkan maklumat yang diberikan dalam soalan, iaitu “simpan untuk dana kecemasan” dan “menabunglah untuk masa depanmu”.

Pada bahagian **pengenalan**, calon dapat memahami tugasqan tentang **kepentingan, faedah, manfaat dan kebaikan amalan menabung**.

Pada bahagian **huraian idea**, kedua-dua idea “simpan untuk dana kecemasan” dan “menabunglah untuk masa depanmu” dihuraikan dengan **jelas** dan **matang** berserta **contoh yang sesuai**.

Calon menggunakan pelbagai jenis ayat yang gramatis. Terdapat penggunaan pelbagai kosa kata dan ungkapan yang **luas** serta **tepat**, contohnya *hidup ini ibarat roda yang berputar, remaja pada hari ini mudah terpengaruh dengan trend semasa, remaja pada hari ini sering didedahkan dengan teknologi yang canggih dan terkini seperti telefon pintar, komputer riba dan sebagainya*. Selain itu, bahasa yang digunakan oleh calon juga **bervariasi**. Laras yang digunakan sesuai dengan tugasqan.

Pada bahagian **penutup**, calon berupaya menulis kesimpulan yang mantap dengan memberikan cadangan agar amalan menabung dijadikan rutin harian masyarakat bagi menjamin kesejahteraan hidup.

## Contoh Jawapan Calon Prestasi Sederhana

Menabung didefinisikan sebagai 'menjimpan wang dalam tabung' dan dikaitkan dengan simpanan wang. Menabung dapat memberikan banyak kebaikan dalam hidup seseorang tanpa mengira usia. Persoalannya, apakah kepentingan amalan menabung dalam kalangan masyarakat konvensional?

Lontaran idea yang utama tentang <sup>kepentingan</sup> amalan menabung ialah dapat menjamin masa hadapan. Hal ini <sup>dikatakan</sup> demikian kerana seseorang yang semakin meningkat usianya memerlukan wang untuk meneruskan kehidupan di dunia ini. Contohnya, ibu bapa mengajar anak-anak menabung agar dapat digunakan untuk tujuan pendidikan dan <sup>ketika</sup> di alam pekerjaan. Kesannya, anak-anak tidak akan terdesak mencari wang ketika dewasa kelak apabila mereka memerlukan sejumlah wang yang banyak untuk memblayai kehidupan.

Lontaran idea yang seterusnya ialah amalan menabung dapat <sup>mengurangkan beban</sup> ~~membantu~~ semasa berlakunya kecemasan. Hal ini dikatakan demikian kerana kita tidak dapat menjangka bila kita memerlukan ~~penggunaan~~ wang yang banyak bagi menyelesaikan sesuatu kecemasan. Contohnya, kos untuk membaiki ~~kereta~~ kereta yang rosak, kehilangan kerja secara tiba-tiba dan kos perubatan yang tinggi semasa jatuh sakit secara tiba-tiba. Kesannya, kita dapat menjalani sesuatu kecemasan itu dengan tenang kerana kita mempunyai ~~dana kecemasan~~ wang simpanan untuk dana kecemasan.

Kesimpulannya, izharlah bahawa amalan menabung amat penting untuk diamalkan dalam kalangan masyarakat madani. Semua pihak hendaklah berganding bahu dalam menyemarakkan amalan menabung dalam kalangan masyarakat tanpa mengira usia supaya masing-masing tidak menuding jari jika berlakunya sebarang permasalahan. Oleh itu, kita hendaklah menabung agar masa depan <sup>kita</sup> terjamin.

Pada bahagian **pengenalan**, calon kumpulan sederhana masih dapat memahami tugas tentang kepentingan, faedah, manfaat dan kebaikan menabung.

Pada bahagian **huraian idea**, jawapan calon masih menepati tugas berdasarkan bahan rangsangan. Idea calon masih relevan. Huraian idea masih jelas, contohnya, *“apakah kepentingan amalan menabung dalam kalangan masyarakat konvensional, anak-anak tidak akan terdesak mencari wang ketika dewasa kelak apabila mereka memerlukan sejumlah wang yang banyak untuk membiayai kehidupan dan kita tidak dapat menjangka bila kita memerlukan penggunaan wang yang banyak bagi menyelesaikan sesuatu masalah.”*

Calon menggunakan ayat yang masih gramatis tetapi terdapat kesalahan minimum. Terdapat kesalahan bahasa yang minimum seperti *“memberikan kebaikan dalam hidup seseorang (memberikan kebaikan dalam kehidupan seseorang), seseorang yang semakin meningkat usianya memerlukan wang untuk meneruskan kehidupan di dunia ini (semakin bertambah usia seseorang semakin banyak yang perlu digunakan untuk meneruskan kehidupan)”*. Selain itu, penggunaan kosa kata calon juga umum. Pengolahan calon juga masih menarik dan pemerenggan masih sesuai.

Pada bahagian **penutup**, calon membuat penegasan bahawa amalan menabung perlu diamalkan dalam kehidupan setiap insan.

## **2.3 CADANGAN/SYOR BAHAGIAN A**

### **2.3.1 Calon**

- a) Menguasai semua kemahiran dan tema dalam Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP). Buku teks Tingkatan 4 dan Tingkatan 5 mestilah menjadi rujukan utama.
- b) Membaca bahan seperti majalah, akhbar, jurnal dan karya sastera seperti novel serta cerpen untuk menambah pengetahuan, memantapkan fikiran, mengikuti perkembangan semasa dan memantapkan penguasaan bahasa.
- c) Sentiasa membuat latihan menulis karangan dalam pelbagai format agar dapat menguasai semua format karangan dan menyampaikan idea dengan bahasa yang gramatis, pengolahan yang menarik serta laras bahasa yang betul.
- d) Menguasai kemahiran menganalisis bahan / tugas. Calon perlu meneliti dan memahami semua kata tugas sebelum memilih soalan yang hendak dijawab.
- e) Menyenaraikan isi ringkas atau menyediakan rangka jawapan sebelum menjawab sesuatu soalan. Rangka jawapan dapat membantu calon menepati peruntukan masa.

### **2.3.2 Guru**

- a) Menguasai kemahiran dan tema dalam DSKP. Buku teks Tingkatan 4 dan Tingkatan 5 mestilah menjadi rujukan utama guru.
- b) Merancang pengajaran dan pembelajaran (PdP) bagi menyelesaikan sukatan mata pelajaran supaya ulang kaji dan latih tubi dapat dilaksanakan dengan berkesan.
- c) Memantapkan asas penulisan karangan murid pada peringkat menengah rendah agar mereka memahami cara merangka karangan, format menulis karangan dan mengembangkan isi dengan lebih berkesan.
- d) Membincangkan pelbagai isu semasa dengan murid semasa PdP agar mereka dapat mengemukakan isi-isi yang matang, pemikiran kritis dan idea yang analitik dalam karangan.
- e) Memberi penekanan terhadap aspek koheren dan kohesi dalam isi karangan dan dibudayakan dalam aktiviti PdP.



## **2.4 PRESTASI CALON BAHAGIAN B**

### **2.4.1 Prestasi Keseluruhan**

Sebahagian besar calon dapat menjawab tugas dengan baik. Mereka dapat menyampaikan, menghuraikan dan mengolah idea dengan jelas. Calon juga berjaya membuktikan kemampuan dan kebolehan menghasilkan karangan yang panjangnya antara 350 hingga 500 patah perkataan. Calon juga dapat mengemukakan contoh yang relevan. Hal ini menunjukkan bahawa calon mempunyai pengetahuan yang luas berkaitan dengan tugas soalan.

### **2.4.2 PRESTASI MENGIKUT KUMPULAN CALON**

#### **Kumpulan Prestasi Tinggi**

Calon berjaya menjawab tugas mengikut kehendak soalan. Calon mampu menghuraikan idea dengan jelas dan matang, disertakan dengan contoh yang sesuai. Calon menggunakan pelbagai jenis ayat yang gramatis dan kosa kata yang luas serta tepat. Gaya bahasa yang digunakan juga menarik daripada aspek keindahan bahasa, di samping penggunaan ungkapan yang relevan untuk mengukuhkan huraian idea. Penggunaan unsur bahasa bervariasi manakala laras bahasa sesuai dengan tugas. Penggunaan tanda baca tepat dan sesuai serta kesalahan bahasa minimum. Pengolahan sangat menarik dan berkesan. Pemerenggan karangan juga sesuai.

#### **Kumpulan Prestasi Sederhana**

Calon masih menjawab tugas mengikut kehendak soalan. Calon masih mampu menghuraikan idea dengan jelas disertakan dengan contoh yang masih sesuai. Calon menggunakan ayat yang masih gramatis dan kosa kata umum. Gaya bahasa yang digunakan daripada aspek keindahan bahasa kurang menarik, di samping penggunaan ungkapan kurang berkesan. Laras bahasa yang digunakan masih sesuai dengan kehendak tugas. Penggunaan tanda baca masih tepat dan sesuai serta kesalahan bahasa minimum. Pengolahan masih menarik sementara pemerenggan masih sesuai.

## 2.5 KUPASAN JAWAPAN BAHAGIAN B

### Soalan 1

Tulis sebuah karangan yang panjangnya antara 350 hingga 500 patah perkataan.

BERA: "Sukan rakyat perlu dipopularkan. Hal ini bagi memastikan sukan rakyat tidak luput ditelan zaman, menjadi tarikan pelancong dan dapat meningkatkan pendapatan rakyat. Sukan rakyat seperti gasing, galah panjang dan timbang bola merupakan sebahagian daripada identiti rakyat Malaysia," kata Perdana Menteri, Dato' Seri Ismail Sabri bin Yaakob.

Sumber: [www.sinarharian.com.my](http://www.sinarharian.com.my)

Berdasarkan petikan di atas, huraikan manfaat-manfaat mempopularkan sukan tersebut.

Calon dikehendaki menghuraikan manfaat-manfaat mempopularkan sukan rakyat seperti yang terdapat dalam petikan iaitu:

- sukan rakyat tidak luput ditelan zaman
- menjadi tarikan pelancong
- dapat meningkatkan pendapatan rakyat

### Contoh Jawapan Calon Prestasi Tinggi

Pada zaman pascakemerdekaan ini, sukan rakyat kian dilupakan oleh masyarakat kini. Mereka beranggapan bahawa sukan ini merupakan sukan yang hanya dimainkan oleh <sup>nenek</sup> moyang mereka. Oleh sebab itu, mereka mengatakan bahawa sukan ini sudah ketinggalan zaman dan mereka hanya bermain permainan video <sup>dalam</sup> di telefon pintar masing-masing. Hubungan antara ahli keluarga juga semakin renggang apabila masing-masing mereka meluangkan masa hanya bersama telefon pintar mereka. Pihak kerajaan mestilah mempopularkan semula sukan rakyat ini agar sukan ini tak luput dek hujan, tak lekang dek panas. Bahkan, terdapat banyak manfaat mempopularkan sukan tersebut. Persoalannya, apakah manfaat-manfaat mempopularkan sukan rakyat ini?

Sukan rakyat dapat menjadi tarikan pelancong merupakan antara manfaat mempopularkan sukan tersebut. Hal ini dikatakan demikian kerana, pelancong suka akan keunikan se-<sup>dalam</sup> sebuah negara itu. Maka, <sup>atau keistimewaan</sup> ramai pelancong melancong ke negara kita kerana keunikan di negara kita seperti terdapatnya sukan rakyat ini. Sukan rakyat ini sangat seronok dimainkan serta dapat menghilangkan stres serta tekanan dalam diri kita. Antara contoh sukan rakyat yang digemari oleh pelancong ialah gasing dan congkak. Gasing ~~dan congkak~~ sangat digemari popular dalam kalangan pelancong kerana kesukarannya itu sangat mencabar dari mereka manakala congkak sangat seronok dimainkan serta mencabar minda mereka untuk menang dalam permainan itu. Oleh sebab itu, pihak kerajaan boleh mempromosikan sukan rakyat ini untuk meningkatkan kemasukan pelancong ke dalam negara.

Seterusnya, sukan rakyat dapat meningkatkan pendapatan rakyat. Hal ini demikian kerana, sukan rakyat ini telah ~~me~~ akan menjadi trend kesukaan orang ramai apabila telah dipopularkan oleh pelbagai pihak. Apabila sukan ini menjadi kesukaan orang ramai, ramai ~~era~~ masyarakat akan membeli permainan itu <sup>dan</sup> sekali gus meningkatkan pendapatan rakyat. Sukan ini juga dapat dipromosikan ke luar negara dan ~~cepat~~ akan mendapatkan tempahan dari luar negara. Aktiviti jual beli dari luar negara ini bukan sahaja dapat meningkatkan pendapatan rakyat, malah dapat meningkatkan ~~e~~ pendapatan negara serta menggalakkan pertumbuhan ekonomi negara. Taraf hidup masyarakat juga akan meningkat dan kadar pengangguran dalam negara akan berkurang.

Akhir sekali, sukan rakyat juga merupakan identiti rakyat Malaysia. Sukan rakyat sudah dimainkan <sup>oleh nenek moyang</sup> sejak sebelum merdeka lagi. Sukan rakyat seperti gasing, galah panjang, congkak, batu seremban dan timbang bola merupakan sebahagian daripada identiti rakyat Malaysia. Gasing dan timbang bola sering dimainkan oleh kaum lelaki

manakala congkak serta batu seremban selalu dimainkan oleh kaum wanita. Sukan rakyat ini <sup>turut</sup> juga dapat merapatkan hubungan kekeluargaan atau persahabatan. Bahkan, tubuh badan setiap individu yang bermain sukan ini dapat menjadi sihat dan cergas. Sudah terang lagi bersuluh, bahawa sukan rakyat merupakan identiti rakuat Malaysia.

Kesimpulanya, terdapat banyak manfaat mempopularkan sukan tersebut. Semua pihak seperti pihak kerajaan, ibu bapa dan media massa mestilah bersatu hati & bak kata pembahasa bulat air kerana pembentung bulat <sup>manusia</sup> ~~air~~ kerana muafakat untuk mempopularkan sukan rakyat ini.

Pihak kerajaan boleh mempromosikan sukan rakyat ini dalam media sosial seperti Instagram, Facebook <sup>atau</sup> ~~dan~~ Tik Tok agar ramai orang mengenali <sup>serta</sup> ~~dan~~ mengetahui tentang sukan rakyat ini. Saya berharap sukan rakyat ini tidak akan luput ditelan zaman ~~dan seharusnya dipopularkan~~ agar generasi akan datang tahu mengenai <sup>dan identiti</sup> ~~tradisi~~ mereka.

Pada bahagian **pengenalan**, calon dapat memahami tugas tentang manfaat-manfaat mempopularkan sukan rakyat.

Pada bahagian **huraian idea**, calon berjaya menjawab tugas mengikut kehendak soalan, iaitu menjelaskan sukan rakyat tidak lapuk ditelan zaman, sukan rakyat menjadi tarikan pelancong, sukan rakyat juga dapat meningkatkan pendapatan rakyat serta sukan rakyat merupakan sebahagian daripada identiti rakyat Malaysia.

Calon menggunakan pelbagai jenis ayat yang gramatis seperti "gasing sangat popular dalam kalangan pelancong kerana kesukarannya itu sangat mencabar diri mereka, aktiviti jual beli dari luar negara ini bukan sahaja dapat meningkatkan pendapatan rakyat, malah dapat meningkatkan pendapatan negara dan sudah terang lagi bersuluh bahawa sukan rakyat merupakan identiti rakyat Malaysia." Kosa kata yang digunakan juga luas dan tepat. Gaya bahasa yang digunakan menarik daripada aspek keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan menarik yang tepat, contohnya, "pada zaman pascakemerdekaan dan mencabar minda mereka." Penggunaan unsur bahasa bervariasi manakala laras bahasa sesuai dengan tugas. Penggunaan tanda baca juga tepat.

Pengolahan calon juga sangat menarik dan berkesan. Calon menggunakan pemerenggan yang seimbang dan lengkap dengan perenggan pengenalan, perenggan idea dan perenggan penutup.

Pada bahagian **penutup**, calon berupaya menulis kesimpulan yang mantap dengan melahirkan harapan supaya sukan rakyat perlu dipertahankan kerana sukan rakyat sebahagian daripada identiti rakyat Malaysia.

## Contoh Jawapan Calon Prestasi Sederhana

Pada era pascakemerdekaan ini, arus modenisasi yang semakin berkembang pesat menyebabkan sukan rakyat dipandang enteng dan disisihkan daripada arus perdana. Sukan rakyat boleh diberikan contoh seperti gasing, wau, timbang bola dan galah panjang. Sukan rakyat Malaysia merupakan identiti rakyat Malaysia. Pokok pangkalnya, apakah manfaat-manfaat mempopularkan sukan rakyat kepada kita?

Pada hemat saya, manfaat daripada mempopularkan sukan rakyat adalah dapat menjadi tarikan pelancong luar negara. Hal ini demikian kerana ramai pelancong tertarik akan permainan-permainan tradisional dari seluruh negara. Oleh itu, pihak kerajaan perlu cakra akan isu sukan rakyat Malaysia dengan mengadakan kempen "Sukan Rakyat Malaysia" di persada dunia. Kesannya, para pelancong luar negara akan tertarik dengan sukan-sukan rakyat Malaysia dan mencirikan nama <sup>bat peribahasa Melayu hujan emas di neg</sup> ~~Malaysia~~ <sup>hujan emas di negeri orang, hujan batu di negeri sendiri</sup> ~~Malaysia~~. Oleh jadinya bahawa, sukan rakyat dapat mendatangkan manfaat kepada negara kita.

Di samping itu, <sup>mempopularkan</sup> sukan rakyat juga dapat meningkatkan pendapatan rakyat. Situasi ini berlaku apabila ramai rakyat Malaysia lebih memilih untuk mengganggu daripada menggunakan barakat seni mereka dalam pembuatan permainan rakyat Malaysia. Sebagai contoh, individu yang mahir dalam pembuatan alat ~~per~~ sukan rakyat dapat memasarkan hasil buatan mereka di pasaran <sup>tempatan atau antarabangsa</sup>. Kesannya, peminat <sup>tegar</sup> sukan rakyat dapat membelanjakan wang mereka untuk membeli permainan tersebut. Boleh kita simpulkan bahawa mempopularkan sukan rakyat bukan sahaja dapat meningkatkan pendapatan ~~rakyat~~ <sup>kan</sup> akan tetapi ia juga dapat menyemai <sup>kan</sup> semangat cinta akan sukan rakyat persis peribahasa Melayu menyelam sambil minum air.

Selain itu, manfaat <sup>dampak</sup> mempopularkan sukan rakyat adalah dapat mengeratkan <sup>kesenian</sup> ~~semua~~ sukan rakyat dalam kalangan <sup>masyarakat</sup> ~~diri~~ kita. Dalam konteks ini, kita haruslah memainkan peranan dominan dalam mengekalkan kelestarian sukan rakyat, <sup>Malaysia</sup> bak kata pepatah biar mati anak, jangan mati adat. Kita <sup>ibu bapa</sup> semua pihak <sup>lah</sup> perlu cakna tentang sukan rakyat dengan memperkenalkan sukan rakyat kepada <sup>anak-anak mereka</sup> generasi muda ~~sejak~~ sejak kecil lagi bersesuaian dengan peribahasa melayu meletak buluh biarlah dari rebungnya. Hal ini dikatakan ~~demikian~~ kerana ~~ia~~ anak-anak merupakan kain putih yang perlu dicorakan oleh ibu bapa bertepatan dengan peribahasa melayu bagaimana acuan nya, begitulah kuhnya.

Kesimpulannya, sukan rakyat banyak mendatangkan faedah kepada generasi muda seperti mana tumbuhan memerlukan hujan. Semua pihak perlu memainkan peranan mereka agar sukan rakyat ini dapat mendatangkan pelbagai ~~ke~~ impak positif. Saya berharap agar sukan rakyat ini dapat dikekalkan kepada generasi yang akan datang.

Pada bahagian **pengenalan**, calon kumpulan sederhana masih dapat membincangkan manfaat-manfaat mempopularkan sukan rakyat.

Pada bahagian **huraian idea**, calon masih menjawab tugas mengikut kehendak soalan, iaitu membincangkan manfaat-manfaat mempopularkan sukan rakyat. Idea yang dikemukakan masih relevan, huraian juga masih jelas dan contoh yang diberikan masih sesuai. Contohnya, "ramai pelancong tertarik akan permainan-permainan tradisional dari seluruh negara, individu yang mahir dalam pembuatan alat sukan rakyat dapat memasarkan hasil buatan mereka di pasaran tempatan atau antarabangsa dan kita haruslah memainkan peranan dominan dalam mengekalkan kelestarian sukan rakyat Malaysia bak kata pepatah biar mati anak jangan mati adat."

Calon menggunakan pelbagai ayat yang masih gramatis tetapi terdapat kesalahan minimum. Selain itu, penggunaan kosa kata calon juga umum. Terdapat kesalahan bahasa yang minimum seperti "tertarik dengan sukan-sukan rakyat (tertarik akan sukan rakyat), pembuatan alat sukan rakyat (pembuatan peralatan sukan rakyat) dan menyelam sambil minum air (sambil menyelam minum air)." Pengolahan calon juga masih menarik dan pemerenggan masih sesuai.

Pada bahagian **penutup**, calon masih berupaya menulis kesimpulan dengan menyatakan bahawa setiap ahli dalam kalangan masyarakat haruslah menjaga sukan rakyat agar dapat dikekalkan.

## Soalan 2

Terdapat sesetengah murid berada dalam kelas paling cemerlang tetapi gagal mendapat keputusan peperiksaan yang cemerlang kerana dirinya selalu berasa tidak yakin dan terlalu merendah diri.

Sumber: Dewan Siswa, Bil.8/2014

Huraikan usaha-usaha yang boleh dilakukan untuk membantu murid-murid yang menghadapi masalah tersebut.

Calon dikehendaki menghuraikan **usaha-usaha untuk membantu murid-murid cemerlang yang menghadapi masalah keyakinan diri dan terlalu merendah diri.**

### Contoh Jawapan Calon Prestasi Tinggi

Penat telah menjadi rintihan,

Rindu pelukan sang ibu di desa,

Keyakinan diri menjadi pilihan,

Agar hidup bahagia sentiasa.

Pantun empat kerat ~~di~~ tersebut membawa maksud bahawa keyakinan ~~diri~~ <sup>diri</sup> amat penting dalam menjamin kehidupan serta masa hadapan yang bahagia. Namun demikian, adakah rakyat kita khususnya remaja benar-benar menghayati maksud pantun tersebut jika disondarkan <sup>pada</sup> ~~dengan~~ kejadian hari ini? Realitinya, remaja kini mempunyai tahap keyakinan yang sangat rendah dan <sup>terlalu</sup> ~~sering~~ merendah diri walaupun berada di dalam kelas paling cemerlang. Hal ini terjadi kerana, pelajar kini sering membandingkan diri serta kemahiran mereka dengan pelajar-pelajar cemerlang yang lain.

Kejadian ini bertambah teruk ketika berita penularan wabak COVID-19 <sup>menggenapkan</sup> ~~menyebabkan~~ masyarakat global. Hal ini demikian kerana, semua <sup>rakyat</sup> ~~orang~~ terpaksa mematuhi Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dan berkurung di rumah. Kesannya, pelajar tidak mempunyai peluang untuk menyertai aktiviti untuk mencungkil bakat diri dan menjadi antisosial. Persoalannya, apakah inisiatif-inisiatif yang harus diimplementasikan untuk mengatasi polemik <sup>kekurangan</sup> ~~ketertarikan~~ keyakinan diri dalam pelajar?

Sebelum bibir mengorak bicara, sebelum kata dimaparkan bukti, marilah kita memperincikan Prakarasa dominan dalam membendung masalah kekurangan keyakinan diri dalam pelajar. Pihak sekolah memainkan peranan signifikan dalam masalah ini. Dalam konteks ini, guru merupakan insan terdetat kepada seseorang ~~per~~ pelajar. Guru-guru mendukung tanggungjawab dalam membentuk sahsiah seseorang pelajar atau remaja yang merupakan aset penting kepada ~~peneraju~~ ~~nasa~~ ~~hadapan~~ negara. Hal ini ~~dikatakan~~ <sup>dikatakan</sup> demikian kerana, guru-guru berperanan untuk mencungkil bakat serta potensi diri pelajar sejak di bangku sekolah. ~~Sebagai contoh~~ <sup>dengan menggalakkan</sup>, penyertaan pelajar dalam pertandingan antarabangsa. Sebagai contoh, pelajar boleh menyertai

pertandingan Inovasi Sains dan ~~teknologi~~ <sup>Teknologi</sup> peringkat antarabangsa ~~yang dianjurkan oleh dan~~ ~~meneru~~ memenangi pertandingan ~~tersebut~~. Kesannya, pelajar boleh menyedari kebolehan diri mereka dan berasa bangga terhadap pencapaian mereka. Secara tidak langsung, hal ini akan meningkatkan ~~hormon~~ hormon dopamin dalam diri pelajar yang merupakan sebatian kimia atau neurotransmitter yang mengawal ~~dan~~ serta memberi isyarat kepada otak. Dengan ini, pelajar akan berasa lebih yakin terhadap potensi diri dan menjadi peneraju negara ~~di~~ <sup>ke</sup> persada dunia. Menetik kata-kata mantan presiden Indonesia, Soekarno, "benikan ~~anak~~ <sup>anak</sup> 100 orang tua nescaya aku dapat menterbalikkan perahu tertangkap. ~~Itapi~~ <sup>Itapi</sup> jika aku dibenkan 10 orang muda, nescaya aku dapat menggegarkan dunia." Jelaslah bahawa, guru-guru di sekolah dapat membentuk <sup>akhlak dan sahsiah</sup> pelajar yang cemerlang ~~namun~~ <sup>namun</sup> ~~mendapat~~ <sup>namun</sup> pencapaian yang tinggi seperti cogan kata ~~guru~~ guru pembina negara bangsa

Menurut hadis Rasulullah SAW, "anak-anak ibarat kain putih dan ibu bapalah yang bertanggungjawab mencorakannya, menjadi nasrani atau majusi". Menyedari hakikat tersebut, ibu bapa berperanan dalam membentuk remaja atau pelajar yang berninda modal kelas pertama. Misalnya, <sup>ibu</sup> ~~ibu~~ bapa boleh menjadi <sup>uswah</sup> ~~uswah~~ hasanah kepada anak-anak mereka dengan sentiasa mengamalkan keyakinan diri dalam setiap tindakan dan perbuatan. Dengan ini, anak-anak juga akan mencontohi perilaku ibu bapa mereka ~~dan~~ sehingga keyakinan diri menjadi kelaziman dalam kehidupan. Bukan itu sahaja, ibu bapa juga perlu meluangkan masa bersama anak-anak untuk menunjukkan perasaan kasih sayang



terhadap ~~kepada~~ mereka. Ibu bapa sebagai entiti mithali kepada anak-anak juga sewajarnya memberi kata-kata motivasi dan bimbingan kepada anak mereka yang sedang menghadapi apa-apa jua cabaran. \* Impaknya, remaja ~~tidak~~ akan berasa dihargai dan tidak akan meragui kebolehan serta keunikan diri mereka. Sudah terang lagi bersuluh, ~~ada~~ pelajar yang mempunyai tahap keyakinan yang tinggi <sup>dibentuk</sup> ~~dilala~~ menerusi institusi kekeluargaan yang kukuh dan penuh kasih sayang.

Lensa perbincangan dicapahkan lagi dengan mengulakan isi seterusnya iaitu media massa haruslah menyebarkan ~~maklumat~~ tentang kepentingan keyakinan diri. Media massa seperti televisyen, <sup>dan</sup> ~~radio~~ <sup>radio</sup> haruslah dijadikan platform untuk ~~men~~ menghebahkan <sup>informasi</sup> ~~maklumat~~ mengenai keyakinan diri ~~di~~ dalam kalangan pelajar secara meluas. ~~Penerbit~~ Sehubungan dengan itu, penerbit stesen televisyen haruslah mengadakan dokumentari serta menyiarkan ~~&~~ rancangan serta filem-filem yang meningkatkan keyakinan diri seseorang individu. Misalnya, penerbit tersebut boleh menyiarkan filem Leftenan Adnan Saidi. Filem tersebut menceritakan <sup>keberanian tokoh negara</sup> ~~pengerbanaan~~ Leftenan Adnan Saidi dalam pertempuran di Bukit Chandu menentang tentera Imperial Jepun. Hal ini demikian kerana, filem seperti ini ~~Filem seperti ini amat penting kerana~~ dapat meniupkan kesedaran dan pengajaran agar sentiasa berani dalam ~~kebolehan diri dalam~~ untuk berjuang demi masa hadapan. \* Implikasinya, kita dapat membentuk pelajar yang <sup>berkeyakinan</sup> ~~tidak berkaya~~ tinggi dan tidak mudah goyah dalam menghadapi onak pancaroba dalam kehidupan. Tuntasnya, peranan media massa amat kritikal <sup>berperanan</sup> dalam meningkatkan keyakinan diri pelajar.

Sebagai penghias akhir bicara, ~~tiada ubat~~ ~~semua lapisan masyarakat~~ ~~translah~~ tiada penyakit yang tiada ubatnya, tiada racun yang tiada penawarnya. Oleh itu, semua lapisan masyarakat haruslah ~~menget~~ <sup>bekerjasama</sup> sebagai ~~m~~ ke bukit sama didaki, ~~ke tuar sama dituar~~ <sup>lurah sama dituruni</sup> dalam usaha mengatasi ~~no~~ masalah ~~tni~~ kekurangan keyakinan diri dalam pelajar.

Sebagai rakyat Malaysia, pelajar haruslah ~~mengambil~~ <sup>mengambil</sup> inisiatif untuk memperbaiki kelemahan diri. ~~Menurut~~ <sup>Menurut</sup> ayat 11 surah Ar-Ra'd, " ~~Sesungguhnya Allah tidak~~ <sup>Sesungguhnya Allah tidak</sup> membantu keadaan kaum jika mereka sendiri tidak membantu keadaan mereka". Marilah kita bersama-sama merealisasikan ~~impian~~ <sup>kerajaan</sup> ~~negara~~ untuk membentuk pelajar yang yakin yang akan ~~memb~~ <sup>mentransformasikan</sup> negara agar dapat ~~berdiri sama ti~~ <sup>duduk sama rendah,</sup> dan berdiri sama tinggi dgn negara - negara maju yang lain seperti Jepun dan Amerika.

Pada bahagian **pengenalan**, calon dapat memahami tugas tentang usaha-usaha untuk membantu murid-murid cemerlang yang menghadapi masalah keyakinan diri dan terlalu merendah diri.

Pada bahagian **huraidan idea**, calon berjaya menjawab tugas mengikut kehendak soalan, iaitu menghuraikan dengan jelas berkaitan usaha-usaha pelbagai pihak untuk membantu murid-murid cemerlang yang menghadapi masalah keyakinan diri atau terlalu merendah diri. Peranan guru mendukung tanggungjawab membentuk sahsiah seorang pelajar atau remaja, peranan ibu bapa menjadi uswah hasanah kepada anak-anak dan peranan media massa menyebarkan maklumat.

Calon menggunakan pelbagai jenis ayat yang gramatis seperti "hal ini dikatakan demikian kerana guru-guru berperanan untuk mencungkil bakat serta potensi diri pelajar sejak di bangku sekolah dengan menggalakkan penyertaan pelajar dalam pertandingan antarabangsa." Kosa kata yang digunakan juga luas dan tepat. Gaya bahasa yang digunakan menarik dari aspek keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan menarik yang tepat, contohnya, "entiti mithali, menyebarkan informasi dan uswah hasanah".

Penggunaan unsur bahasa bervariasi manakala laras bahasa sesuai dengan tugas. Penggunaan tanda baca juga tepat. Pengolahan calon juga sangat menarik dan berkesan. Calon menggunakan pemerenggan yang seimbang dan lengkap dengan perenggan pengenalan, perenggan idea dan perenggan penutup.

Pada bahagian **penutup**, calon berupaya menulis kesimpulan yang mantap dengan memastikan semua pihak perlu memainkan peranan dengan membantu murid-murid yang menghadapi masalah kurang keyakinan.

### Contoh Jawapan Calon Prestasi Sederhana

Dalam menongkah arus kemodenan, menjadi seorang pelajar yang cemerlang adalah cita-cita setiap penuntut ilmu. Oleh itu, semua penuntut memerah keringat untuk berada di dalam kelompok yang cemerlang supaya mereka mendapat kecemerlangan seperti orang lain bak kata peribahasa "biar putih tulang, jangan putih mata". Namun begitu, terdapat juga pelajar yang berada di dalam kelas cemerlang tetapi gagal dalam keputusannya. Persoalannya, apakah usaha-usaha yang boleh dilakukan untuk membantu pelajar tersebut?

Antara usaha yang boleh dilakukan termasuklah ibu bapa perlulah menjadi uswah hasanah kepada pelajar dalam menunjuk keperibadian yang bersungguh-sungguh dalam mencapai sesuatu yang diinginkan secara bijak dan profesional. Dengan ini, keperibadian yang bersungguh-sungguh ini dapat diikuti oleh anak-anak pelajar kerana ke mana tumpahnya kuah kalau tidak ke nasi. Suasana yang

positif seperti ini dapat membina jati diri pelajar untuk sentiasa kekal berada dalam kecemerlangan. Sebagai contoh, ibu bapa bersungguh-sungguh dalam bekerja dan anak-anak pelajar dapat mengaplikasikan kesungguhan itu ketika menuntut ilmu. Kesannya, ibu bapa dapat membantu pelajar dalam menunjukkan sifat kesungguhan ~~mencapai~~ untuk mencapai sesuatu perkara yang kita inginkan. ~~Sudah terang lagi~~

sudah terang lagi bersuluh, ibu bapa dapat menjadi uswah hasanah yang baik kepada pelajar untuk berjuang dalam medan ilmu

Selain itu, usaha yang boleh dilakukan untuk membantu pelajar talah guru cemerlang perlulah mencari pelbagai kreativiti dalam mengajar pelajar untuk mencapai kefahaman mereka dalam pelbagai subjek. Hal ini demikian kerana, pengajaran yang kreatif dapat meningkatkan daya ingatan ~~yang~~ yang kuat kepada pelajar. Antara contoh pembelajaran yang kreatif adalah membuat peta minda, mencipta akronim dan banyak lagi. Oleh itu, ~~kepelbagaian~~ <sup>kepelbagaian</sup> yang

kreatif dalam pembelajaran ini dapat membuka minda pelajar untuk menerima ilmu dan dapat ~~difahami~~ <sup>difahami</sup> dengan mudah. Bulan semakin terang, bayang kian jelas, ~~pembelajaran~~ pengajaran secara kreatif dapat membantu pelajar dalam mencapai keputusan yang cemerlang.

Di samping itu, pihak sekolah perlulah menyusun atur kelas mengikut kemampuan pelajar. Hal ini demikian kerana, penyusunan pelajar mengikut tahap yang berbeza dapat memudahkan pelajar untuk mengikut kelajuan pembelajaran di di kelas tersebut. Sebagai contoh, menyusun semula kedudukan

kelas mengikut keputusan dan kemampuan pelajar supaya tidak mengalami depresi dalam menuntut ilmu. Implikasinya, ~~pelajar dapat fokus di dalam~~ pelajar dapat mengekalkan tumpuan yang secukupnya kepada ~~guru~~ guru yang mengajar kerana mereka telah berada di dalam kelas yang bersesuaian dengan kemampuan mereka. Sudah terang lagi bersuluh, usaha pihak sekolah dalam menyusun atur kelas mengikut kemampuan pelajar dapat membantu mereka fokus untuk mencapai keputusan yang cemerlang kerana mereka tidak perlu ~~me~~ merasa rendah diri dengan orang lain.

Sebagai akhir kalam, para pelajar juga perlulah berusaha bersungguh-sungguh dalam mencapai keputusan yang cemerlang kerana keputusan yang cemerlang dapat memudahkan para pelajar untuk mendapat tawaran ~~basu~~ biasiswa dan mencapai cita-cita yang diimpikan. ~~Bak Bak kata peribahasa 'usaha~~ ~~tan~~ Oleh itu, kehidupan pelajar yang cemerlang akan lebih terjamin pada masa hadapan. ~~Ba~~ ~~bak kata peribahasa 'adat peruk berkerak, adat lesung berdedak'.~~

Pada bahagian **pengenalan**, calon kumpulan sederhana masih dapat membincangkan usaha-usaha untuk membantu murid-murid cemerlang yang menghadapi masalah keyakinan diri dan terlalu merendah diri.

Pada bahagian **huraian idea**, calon masih menjawab tugas mengikut kehendak soalan, iaitu usaha-usaha pelbagai pihak untuk membantu murid-murid cemerlang yang menghadapi masalah keyakinan diri dan terlalu merendah diri. Idea yang dikemukakan masih relevan, huraian juga masih jelas dan contoh masih sesuai. Contohnya, "*ibu bapa perlulah menjadi uswah hasanah kepada pelajar dalam menunjukkan keperibadian yang bersungguh-sungguh dalam mencapai sesuatu yang diingini.*"

Calon menggunakan pelbagai ayat yang masih gramatis tetapi terdapat kesalahan minimum. Selain itu, penggunaan kosa kata calon juga umum. Terdapat kesalahan bahasa seperti, "*biar puteh mata, jangan puteh tulang (biar **putih** mata, jangan **putih** tulang), berusaha bersungguh-sungguh dalam mencapai keputusan yang cemerlang (berusaha bersungguh sungguh **untuk** mencapai keputusan yang cemerlang) dan mencari pelbagai kreativiti (mencari pelbagai **kaedah**).*" Pengolahan calon juga masih menarik dan pemerenggan masih sesuai.

Pada bahagian **penutup**, calon masih berupaya menulis kesimpulan dengan menyarankan murid perlulah berusaha bersungguh-sungguh untuk mencapai keputusan yang cemerlang.

### Soalan 3

Aktiviti memusnahkan harta benda awam atau vandalisme dikatakan berlaku disebabkan oleh pelaku yang kurang didikan agama dan moral. Selain itu, ada juga remaja yang terpengaruh dengan perbuatan yang dilakukan oleh rakan-rakan mereka yang merosakkan harta benda awam. Sikap masyarakat yang mementingkan diri sendiri dan tidak prihatin akan perkara yang berlaku di sekeliling mereka juga mengundang berlakunya aktiviti tersebut.

Sumber : *Dewan Siswa Bil. 12/2020*

Berdasarkan petikan di atas, bincangkan faktor-faktor berlakunya aktiviti tersebut.

Calon dikehendaki menghuraikan **faktor-faktor yang menyebabkan berlakunya vandalisme seperti yang terdapat dalam petikan iaitu:**

- pelaku yang kurang didikan agama dan moral
- remaja terpengaruh dengan perbuatan yang dilakukan oleh rakan-rakan mereka yang merosakkan harta benda awam / pengaruh rakan sebaya
- sikap masyarakat yang mementingkan diri sendiri / tidak prihatin akan perkara yang berlaku di sekeliling mereka.

## Contoh Jawapan Calon Prestasi Tinggi

### Faktor-faktor Berlakunya Vandalisme

Belakangan ini, kegiatan vandalisme sering menjadi polemik dalam akhbar dan majalah serta mauluk masyarakat. Sehubungan dengan itu, aktiviti vandalisme ini telah memusnahkan harta benda awam sehingga tidak lagi dapat digurakan dan diakses oleh orang ramai. Hal ini tentu menjejaskan taraf hidup masyarakat setempat. Sesungguhnya, pihak kerajaan telah bersinergi dengan pihak berkuasa untuk membendung kegiatan vandalisme. Sayangnya seribu kali sayang, usaha mereka ternyata tidak nampak hasil kerana kegiatan vandalisme masih tidak terkawal dalam komuniti. Oleh itu, faktor-faktor yang menyebabkan kegiatan vandalisme berakar umbi haruslah dikenal pasti supaya pendekatan yang sesuai dapat dilaksanakan. Persoalan yang sering berlegar-legar dalam gawang minda kita ialah apakah faktor-faktor berlakunya vandalisme?

Bertunjangan kewarasan minda, aktiviti vandalisme sentiasa dilakukan oleh pelaku yang kurang didikan agama dan moral. Dalam konteks ini, terdapat individu yang sanggup bertindak di luar batasan kerana tidak berpegang teguh pada ajaran agama dan nilai-nilai moral. ~~Oleh hal yang demikian~~ Menurut Albert Einstein, "Ilmu tanpa agama adalah lumpuh. Agama tanpa ilmu adalah buta." Oleh hal yang demikian, jelas ternyata bahawa seseorang individu <sup>perulah</sup> memiliki ilmu dan pegangan agama pada masa yang sama. Dengan ini, pastilah kegiatan vandalisme dapat semakin berkurangan. Justeru itu, ibu bapa seharusnya menerapkan nilai-nilai murni dan membawa anak mengikuti ajaran Tuhan sejak kecil lagi kerana melentur buluh biarlah dari rebungnya. Pendek kata, masyarakat yang berakhlak mulia haruslah dizahirkan melalui didikan agama dan moral supaya harta benda awam tidak dirasakkan serta kekal berfungsi.



Jika disingkap dari perspektif yang lain, golongan remaja merupakan antara golongan yang paling aktif terlibat dalam kegiatan vandalisme. Hal ini dikatakan demikian kerana remaja terpengaruh dengan perbuatan rakan sebaya yang negatif. Sehubungan dengan itu, remaja tidak mahu dipinggirkan oleh rakannya sehingga sanggup melakukan perkara yang jahat. Tamsilnya, tindakan sekumpulan murid dari sebuah sekolah di daerah Seberang Perai Selatan, Pulau Pinang yang merasakkan meja, kerusi serta kipas telah mendapat perhatian daripada Menteri Pendidikan, Fadhlina Sidek. Menurut beliau, tindakan sebegini tidak wajar diterima. Lantaran itu, sudah terang lagi bersuluh bahawa pendidikan kerohanian haruslah ditekankan oleh pihak sekolah supaya dapat melahirkan remaja yang <sup>mencintai</sup> ~~cinta akan~~ harta benda awam ~~sama ada di sekolah atau di luar~~. Tuntasnya, remaja haruslah bijak memilih kawan supaya tidak mudah terjebak dalam kancah maksiat.

~~Sebagai contoh idea yang terakhir~~, cuba renungkan, adakah masyarakat kini semakin bersikap bagai erau dalam belukar, melepaskan pucuk masing-masing? Jawabannya tentu betul. Hal ini memang menyebabkan kegiatan vandalisme terus berleluasa ~~di~~ <sup>dalam</sup> masyarakat sekeliling. Sehubungan dengan itu, sikap masyarakat yang mementingkan diri sendiri dan tidak prihatin akan ~~nt~~ perkara yang berlaku di sekeliling mereka menyebabkan anggota masyarakat tidak mengambil peduli dan melaporkan kes vandalisme yang berlaku. Kekurangan aduan daripada masyarakat hanya akan menyukarkan tugas pihak berkuasa untuk menangkap dan mendakwa individu yang merasakkan kemudahan awam. Oleh itu, anggota masyarakat mestilah memainkan peranan sebagai mata dan telinga pihak berkuasa supaya penjahat tidak berani untuk melakukan vandalisme lagi ~~bagi mendapatkan keseronokan~~. Tegasnya, anggota masyarakat patutlah berani melaporkan masalah vandalisme dan tidak perlu takut disyaki.

Kesimpulannya, semua pihak haruslah berganding bahu bagai aur dengan tebing untuk mengatasi vandalisme yang berlaku disebabkan oleh pelbagai faktor. Menurut Nabi Muhammad SAW, "Bersatu membawa rahmat dan berpecah mengundang seksa." Sebagai rakyat Malaysia, kita patutlah bersatu padu untuk menjaga harta benda awam dengan sebaik-baiknya supaya kemudahan awam ini dapat terus digunakan oleh generasi akan datang, seperti yang dikatakan oleh Samuel Johnson, "Masa depan dibeli oleh masa sekarang." Pada bulan Januari 2023, Perdana Menteri Malaysia ke-10, Anwar Ibrahim telah memperkenalkan konsep "Malaysia Madani" yang menekankan kematangan dari segi pemikiran dan perbuatan. Marilah kita berusaha untuk memberdukan kegiatan vandalisme melalui pembentukan masyarakat madani supaya dapat berdiri sama tinggi, duduk sama rendah dengan negara lain seperti Jepun dan Singapura!

Pada bahagian **pengenalan**, calon dapat memahami tugas berkaitan faktor-faktor yang menyebabkan berlakunya vandalisme.

Pada bahagian **huraian idea**, calon berjaya menjawab tugas mengikut kehendak soalan, iaitu faktor-faktor yang menyebabkan berlakunya vandalisme, "kurang didikan agama atau moral pelaku, terpengaruh dengan rakan sebaya dan sikap masyarakat yang pentingkan diri / tidak prihatin akan perkara yang berlaku."

Calon menggunakan pelbagai jenis ayat yang gramatis seperti, "Tindakan sekumpulan murid dari sebuah sekolah di daerah Seberang Perai Selatan, Pulau Pinang yang merosakkan meja, kerusi serta kipas telah mendapat perhatian daripada Menteri Pendidikan, Fadhlina Sidek. Menurut beliau, tindakan sebegini tidak wajar diterima." Penggunaan unsur bahasa bervariasi manakala laras bahasa sesuai dengan tugas. Penggunaan tanda baca juga tepat.

Pengolahan calon juga sangat menarik dan berkesan. Calon menggunakan pemerenggan yang seimbang dan lengkap dengan perenggan pengenalan, perenggan idea serta perenggan penutup.

Pada bahagian **penutup**, calon berupaya menulis kesimpulan yang mantap dengan menyarankan semua pihak agar bersinergi untuk mengelakkan vandalisme daripada terus berlaku.

## Contoh Jawapan Calon Prestasi Sederhana

Pada era globalisasi dan modenisasi ini, isu tentang aktiviti ~~meny~~ memusnahkan harta benda awam atau dikenali sebagai vandalisme sering meniti dari bibir ke bibir marhaen atau rakyat jelata. Isu ini juga mendapat perhatian para cendekiawan dan teknokrat di seluruh ~~negara~~ negara dan mayopada. Persoalan yang timbul dalam benak kita ialah ~~meny~~ apakah hal ini berlaku? Setiap persoalan <sup>past</sup> ada jawapannya kerana setiap penyakit ada penawarnya. Isu vandalisme ini perlulah dibincangkan dari semasa ke semasa kerana perkara ini berkaitan dengan masa depan para remaja. Oleh hal yang demikian, apakah faktor-faktor berlakunya aktiviti vandalisme dalam kalangan remaja?

Pada pendapat saya, aktiviti vandalisme ini terjadi dalam kalangan remaja disebabkan oleh remaja yang kurang didikan agama dan moral. Hal ini dikatakan demikian kerana sikap ibu bapa yang tidak membenarkan pendidikan soal agama. Ibu bapa yang tidak ~~menitik~~ menitikberatkan agama juga menjadi asbab ~~anak remaja~~ anak-anaknya melakukan perbuatan mazmumah itu kerana bapa berek, anak rintik. Perkara ini boleh mengakibatkan remaja <sup>mendapat</sup> ~~mempunyai~~ masa depan yang gelap. Secara tidak langsung, ibu bapa juga akan dipandang serong oleh masyarakat disebabkan sikap anaknya, ~~kerana~~ bak kata pepatah, kerana nila setitik, rosak susu sebelanga. Benarlah bahawa antara faktor berlakunya aktiviti vandalisme dalam kalangan remaja adalah kerana kurangnya didikan agama ~~dan~~ serta

Pengaruh <sup>dan pada</sup> rakan-rakan merupakan salah satu faktor berlakunya aktiviti vandalisme dalam kalangan remaja.

Akhir sekali, antara punca berlakunya vandalisme dalam kalangan remaja disebabkan oleh sikap masyarakat yang tidak prihatin akan perkara yang berlaku di sekeliling mereka.

Sikap masyarakat Hal ini dikatakan demikian kerana sikap masyarakat seperti kata di bawah tempung menyebabkan aktiviti memusnahkan harta benda awam ini semakin berleluasa. Misalnya, masyarakat

telah melihat <sup>remaja/remaja</sup> remaja melakukan aktiviti vandalisme namun tidak menegur mereka kesalahan <sup>mengarah</sup> ~~yang~~ perbuatan tersebut kerana berfikir bahawa itu bukan urusannya. Disebabkan ~~hal~~ ~~tersebut~~

sikap masyarakat yang tidak seperti aur dengan ~~tebing~~ boleh <sup>membentak</sup> ~~membentak~~ ~~impak~~ kepada ekonomi negara kerana perlu membaiki kemudahan awam yang telah dirosakkan oleh remaja.

~~Se~~ Maka, jelaslah bahawa sikap masyarakat yang mementingkan diri sendiri ~~ada~~ merupakan punca-punca berlakunya aktiviti ~~yang~~ vandalisme dalam kalangan remaja

Akhirulkalam, sudah terang lagi bersuluh bahawa terdapat pelbagai faktor-faktor berlakunya aktiviti vandalisme dalam kalangan remaja. Kesimpulannya, ~~semua pihak perlulah~~ sebagai ~~memberi perhatian dalam isu ini.~~ Sebagai anak watan yang berwawasan serta pewaris legasi nenek moyang, marilah kita berganding bahu dalam mendepani isu ini kerana di mana ada kemahuan, di situ ada jalan. Usaha yang sistematik dan proaktif ini <sup>perubahan</sup> ~~hendaklah~~ dimulakan sekarang kerana perjalanan beribu batu hendaklah dimulakan dengan langkah yang pertama

Pada bahagian **pengenalan**, calon kumpulan sederhana masih dapat membincangkan faktor-faktor yang menyebabkan berlakunya vandalisme.

Pada bahagian **huraian idea**, calon masih menjawab tugas mengikut kehendak soalan, iaitu membincangkan faktor-faktor yang menyebabkan berlakunya vandalisme. Idea yang dikemukakan masih relevan, huraian juga masih jelas dan contoh masih sesuai. Contohnya, *“ibu bapa yang tidak menitikberatkan pendidikan soal agama, remaja mengikut sikap rakan-rakan yang melakukan aktiviti yang tidak bermoral dengan alasan untuk menghilangkan tekanan dan masyarakat telah melihat remaja melakukan aktiviti namun tidak ditegur perbuatan mereka.”*

Calon menggunakan pelbagai ayat yang masih gramatis tetapi terdapat kesalahan minimum. Selain itu, penggunaan kosa kata calon juga umum. Terdapat kesalahan bahasa seperti, *“remaja mendapat masa depan yang gelap (**masa depan remaja menjadi gelap**) dan berteman dengan rakan yang salah (**tetapi salah memilih rakan**).”* Pengolahan calon juga masih menarik dan pemerenggan masih sesuai.

Pada bahagian **penutup**, calon masih berupaya menulis kesimpulan dengan menyatakan bahawa anak watan sebagai pewaris legasi nenek moyang haruslah berganding bahu mendepani isu ini.

#### Soalan 4

Bencana alam didefinisikan sebagai tragedi di luar kawalan manusia. Bencana alam mengorbankan banyak nyawa di samping memusnahkan harta benda. Antara bencana alam termasuklah banjir, tanah runtuh dan taufan yang melanda negara-negara di dunia. Oleh itu, bantuan dari negara-negara lain diperlukan untuk membantu negara yang ditimpa bencana alam tersebut.

Sumber : Dewan Ekonomi Bil. 5/2019

Bincangkan bentuk-bentuk bantuan yang boleh diberikan oleh negara-negara lain kepada negara yang terlibat.

Calon dikehendaki menghuraikan bentuk-bentuk bantuan yang boleh diberikan oleh negara-negara lain kepada negara yang terlibat.

#### Contoh Jawapan Calon Prestasi Tinggi

Bencana alam sudah tidak asing lagi menjadi topik hangat yang sering menjadi perhatian pada dada-dada akhbar serta menjadi perbualan penting sama ada dibincangkan dalam parlimen mahupun di warung-warung kopi. Sudah terang lagi bersuluh, bencana alam memberi impak yang sangat dahsyat dari aspek politik, ekonomi dan sosial. Kejadian gempa bumi, tanah runtuh, banjir, tsunami dan lain-lain lagi haruslah diambil cakra dari akar umbi oleh pelbagai pihak.

Adicita yang dinyatakan dalam usaha-usaha bantuan yang boleh diberikan oleh negara-negara lain kepada negara yang terjejas akibat bencana alam ialah kerajaan mempunyai obligasi yang sangat penting untuk menyalurkan bantuan kewangan kepada negara terjejas. Hal ini disebabkan bencana alam memusnahkan tempat tinggal dan infrastruktur yang mengambil masa bertahun-tahun untuk dibangun semula. Tamasya, baru-baru ini kerajaan memberikan inisiatif untuk menyumbang kira-kira RM1 juta kepada kerajaan Turkiye sebagai bantuan kecemasan kepada negara Turkiye yang

terjejas akibat gempa bumi yang dahsyat pada 6 Februari 2023 sekaligus mengorbankan 40000 nyawa rakyat Turkiye. Impaknya, negara yang menjadi mangsa bencana alam mempunyai sokongan yang kuat untuk proses menyelamatkan mangsa serta membaiki kerosakan yang berlaku. Oleh itu, kerajaan memainkan peranan penting untuk memberi pertolongan kepada negara lain supaya tidak berhadap bagai enau dalam belukar, melepaskan pucuk masing-masing.

Lantaran idea yang kedua, peranan media massa amatlah penting supaya isu-isu semasa tentang bencana alam diambil berat oleh rakyat di negara lain. Hal ini bersangkutan-paut apabila media massa haruslah mengambil berat tentang perkembangan kejadian bencana alam untuk memudahkan bantuan yang perlu disegerakan dalam misi menyelamatkan, bantuan makanan dan tempat perlindungan. Misalnya, media massa seperti televisyen dan radio membrcahkan isu letusan gunung berapi yang pernah berlaku di Indonesia serta kejadian tsunami di Aceh, Indonesia pada tahun 2004 menjadi tumpuan besar di negara-negara Asia Tenggara untuk mengikuti perkembangan mangsa-mangsa tsunami mengenai status terkini. Impaknya, bantuan yang disalurkan dari negara lain seperti MERCY Malaysia dan negara jiran iaitu Thailand lebih cepat sekaligus mengurangkan angka kematian mangsa-mangsa yang terjejas. Secara keseluruhannya, media massa mempunyai tanggungjawab besar dalam pemberian bantuan bencana alam dari negara lain.

Sepertara lagi, pertubuhan badan bukan kerajaan (NBO) dalam merealisasikan bantuan juga tidak <sup>boleh</sup> di pandang remeh mengenai kewujudannya. Tidak dihafikan lagi bahawa pertubuhan badan bukan kerajaan (NBO) dari negara lain memberikan sumbangan besar untuk <sup>menyertai</sup> ~~menjadi~~ misi menyelamatkan serta bantuan-bantuan lain. Sebagai contoh, kewujudan MyFund Action

yang merupakan antara pertubuhan NGO utama di Malaysia bekerjasama dalam misi menghulurkan bantuan makanan, perubatan serta keperluan harian kepada mangsa-mangsa gempa bumi Turkiye-Syria berjaya dilaksanakan kerana keanggotaan sukarelawan yang ramai. Secara tidak langsung, mangsa-mangsa bencana alam dapat meneruskan kehidupan dengan baik berbekalkan bantuan yang disalurkan oleh negara-negara lain. Bahkan,

Pertubuhan Kanak-Kanak Sedunia (UNICEF) juga mempunyai tanggungjawab yang besar dalam menyalurkan bantuan pendidikan dan sokongan dari aspek psikologi terutamanya kanak-kanak yang trauma serta terjejas dari aspek kesihatan mental akibat bencana yang menimpa mereka. Implikasinya, bantuan-bantuan seperti ini memudahkan negara yang terjejas sekaligus meningkatkan imej negara kerana sentiasa peduli tentang nasib negara lain yang perlu diselamatkan walaupun tidak pulih sepenuhnya. Jelaslah bahawa bantuan dari pertubuhan badan bukan kerajaan (NGO) sangat memberi impak yang baik kepada negara yang terpaksa berdepan dengan kerosakan dan kehilangan nyawa orang tersayang. <sup>dalam bencana alam</sup> ~~sekaligus~~ <sup>baik kata peribahasa</sup>

Konklusinya, bentuk-bentuk bantuan yang diberikan sewajarnya dilaksanakan dengan cemerlang supaya tidak kelihatan sekadar 'hargat-hargat tali ayam' sahaja. Sebenarnya, bencana alam merupakan tragedi di luar kawalan manusia. Sudah tentunya, sifat perikemanusiaan haruslah dipupuk dengan lebih baik dan tidak memandang enteng pentingnya membantu negara-negara lain dalam menyelesaikan isu negara-negara berdaulat sama ada republik atau raja berpelembagaan, selaras dengan perkara yang dinyatakan dalam kerjasama keahlian dalam piagam Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB).



Pada bahagian **pengenalan**, calon dapat memahami tugas tentang bentuk-bentuk bantuan yang boleh diberikan oleh negara-negara lain kepada negara yang terlibat.

Pada bahagian **huraian idea**, calon berjaya menjawab tugas mengikut kehendak soalan, iaitu tentang bentuk-bentuk bantuan yang boleh diberikan oleh negeri-negara lain kepada negara terlibat seperti *“Kerajaan mempunyai obligasi yang sangat penting untuk menyalurkan bantuan kewangan kepada negara terjejas, impaknya bantuan yang disalurkan dari negara lain seperti MERCY Malaysia dan negara jiran iaitu Thailand lebih cepat sekali gus mengurangkan angka kematian mangsa-mangsa yang terjejas dan tidak dinafikan lagi bahawa pertubuhan badan bukan Kerajaan (NGO) dari negara lain memberikan sumbangan besar untuk menyertai misi menyelamatkan mangsa.”*

Calon menggunakan pelbagai jenis ayat yang gramatis seperti, *“oleh itu, kerajaan memainkan peranan penting untuk memberi pertolongan kepada negara lain supaya tidak bertindak bagai enau dalam belukar melepaskan pucuk masing-masing.* Kosa kata yang digunakan juga luas dan tepat. Gaya bahasa yang digunakan menarik daripada aspek keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan menarik yang tepat, contohnya, *“akar umbi dan adicita.”* Penggunaan unsur bahasa bervariasi manakala laras bahasa sesuai dengan tugas. Penggunaan tanda baca juga tepat.

Pengolahan calon juga sangat menarik dan berkesan. Calon menggunakan pemerenggan yang seimbang dan lengkap dengan perenggan pengenalan, perenggan idea serta perenggan penutup.

Pada bahagian **penutup**, calon berupaya menulis kesimpulan yang mantap dengan menyarankan agar masyarakat mempunyai sifat perikemanusiaan dalam diri.

## Contoh Jawapan Calon Prestasi Sederhana

Dalam meniti arus kemodenan ini, berlakunya pelbagai bencana alam yang melanda negara-negara di seluruh dunia tidak terkecuali dengan negara kita sendiri. Hal ini berlaku disebabkan oleh tangan-tangan manusia dan pihak ~~yang~~ tidak bertanggungjawab yang mencemarkan alam sekitar. Contohnya, Individu yang melakukan pembalakan haram akan menyebabkan kejadian tanah runtuh. Oleh itu, sebagai rakyat yang prihatin, apakah bantuan-bantuan yang dapat diberikan kepada negara luar yang menghadapi bencana alam?

Pada pendapat saya, antara bentuk bantuan yang dapat disumbangkan kepada negara yang terlibat dengan bencana alam ialah bantuan barangan keperluan. Hal ini dikata demikian kerana rakyat di negara terlibat akan kehilangan segala harta benda dan tempat perlindungan namun kehidupan masih perlu diteruskan walaupun dalam serba kekurangan. Keprihatan masyarakat dari negara lain turut membantu memberi <sup>kan</sup> sumbangan. Contohnya, bantuan makanan asas, pakaian terpakai dan ~~ata~~ <sup>produk</sup> kebersihan. **div** Kecernanya, perkara ini dapat meringankan beban mereka yang dilanda musibah dan menjamin keeselesaan mereka. Senario ini persis dengan peribahasa melayu, yakni berat sama ~~dip~~ dipikul, ringan sama dijinjing

Dalam nada yang lain, bantuan kesukarelawanan dan kemanusiaan turut diperlukan oleh negara yang terlibat dengan bencana alam. Hal ini demikian kerana jika berlakunya musibah, kebanyakan sukarelawan dan agensi bukan kerajaan (NGO) akan turun padang bagi membantu mangsa. Contohnya, jika berlakunya bencana banjir, mereka akan ke lokasi kejadian untuk tolong membersihkan rumah mereka dan kawasan sekitar. Hal ini tidak lain tidak bukan dapat meringankan kudrat mereka untuk <sup>kerja</sup> ~~kerja~~ pembersihan dan kemanusiaan. Oleh itu, kita hendaklah melibatkan diri bagi membantu mangsa bencana alam kerana hুলurkan tangan ringankan beban.

Kemudiannya, negara yang terlibat dengan bencana alam turut memerlukan bantuan pendidikan. Hal ini kerana, mereka kemungkinan dilanda dengan kemusnahan bangunan sekolah, universiti dan pusat pengajian yang lain. Bahan pembelajaran juga disyaki mengalami kerosakan yang ~~menyebabkan~~ menyebabkan proses pembelajaran terganggu. Contoh bantuan pendidikan yang boleh disumbangkan kepada negara lain ialah buku, alat tulis dan meja belajar. Kita juga boleh membantu mereka dengan membina pusat pengajian sementara agar murid-murid dapat meneruskan pembelajaran. Hal ini demikian kerana, amat penting untuk setiap pelajar menuntut ilmu agar mewujudkan masyarakat yang celiak minda walau apapun yang berlaku.

Jelain itu, negara lain juga boleh memberikan bantuan kewangan kepada negara yang terlibat dengan bencana alam melalui kerajaan dan agensi bukan kerajaan (NGO). Hal ini <sup>demikian</sup> kerana, negara tersebut memerlukan modal yang tinggi untuk membina semula infrastruktur dan memulihkan ekonomi negara. Sebagai contoh, kejadian ~~tanah runtuh~~ ~~yang~~ gempa bumi yang melanda Turki dan Syria baru-baru ini dan agensi bukan kerajaan (NGO) seperti Cinta Gaza Malaysia telah mengutip dana daripada rakyat Malaysia untuk disumbangkan <sup>kepada</sup> ~~pada~~ mangsa yang terlibat kerannya, hal ini dapat membantu mereka sekali gus menjalin hubungan diplomatik antara dua negara.

Akhir kalam, negara lain perlulah turut bersimpati dan <sup>menghulurkan</sup> ~~memberikan~~ bantuan untuk meringankan beban mereka yang terlibat dengan bencana alam. Harapan saya, <sup>agar</sup> ~~kedua-dua~~ sikap saling membantu ini dapat mewujudkan suasana muhibah antara <sup>dua</sup> negara yang terlibat. Kesimpulannya, kita hendaklah bersikap prihatin terhadap masyarakat <sup>yang dilanda musibah</sup> walaupun bertalian negara agar mewujudkan kerjasama dan keamanan dunia kerana bukit sama didaki, lurah sama dituruni.

Pada bahagian **pengenalan**, calon kumpulan sederhana masih dapat menghuraikan bentuk-bentuk bantuan yang boleh diberikan oleh negara-negara lain kepada negara yang terlibat.

Pada bahagian **huraian idea**, calon masih menjawab tugas mengikut kehendak soalan, iaitu menghuraikan bentuk-bentuk bantuan yang boleh diberikan oleh negara-negara lain kepada negara yang terlibat. Idea yang dikemukakan masih relevan, huraian juga masih jelas dan contoh masih sesuai. Contohnya, *“Pada pendapat saya, antara bentuk bantuan yang dapat disumbangkan kepada negara-negara yang terlibat dengan bencana alam ialah bantuan barang keperluan.”*

Calon menggunakan pelbagai ayat yang masih gramatis tetapi terdapat kesalahan minimum. Selain itu, penggunaan kosa kata calon juga umum. Terdapat kesalahan bahasa yang minimum seperti, *“kebanyakkan sukarelawan (kebanyakan sukarelawan) dan bahan pembelajaran juga disyaki mengalami kerosakan (bahan pembelajaran juga mengalami kerosakan).”* Pengolahan calon juga masih menarik dan pemerenggan masih sesuai.

Pada bahagian **penutup**, calon masih berupaya menulis kesimpulan dengan menegaskan bahawa kita perlu mengamalkan sikap saling membantu agar dapat mewujudkan suasana muhibah antara negara.

## **2.6 CADANGAN/SYOR BAHAGIAN B**

### **2.6.1 Calon**

- a) Menguasai kemahiran dan tema dalam DSKP.
- b) Menjadikan buku teks Tingkatan 4 dan Tingkatan 5 sebagai rujukan utama.
- c) Membaca bahan bacaan seperti majalah, akhbar, jurnal dan karya sastera untuk menambah pengetahuan, mematangkan fikiran, mengikuti perkembangan semasa serta memantapkan penguasaan bahasa.
- d) Menguasai kemahiran membaca. Calon perlu meneliti dan memahami semua kata tugas sebelum memilih soalan yang hendak dijawab.
- e) Sentiasa membuat latihan penulisan karangan.
- f) Menyediakan rangka jawapan sebelum menjawab soalan.

### **2.6.2 Guru**

- a) Menguasai kemahiran dan tema dalam DSKP.
- b) Menjadikan buku teks Tingkatan 4 dan Tingkatan 5 sebagai rujukan utama.
- c) Merancang PdP yang berkesan.
- d) Memantapkan asas penulisan karangan kepada murid pada peringkat menengah rendah agar mereka dapat menghasilkan karangan yang berkualiti.
- e) Membincangkan pelbagai isu semasa dengan murid semasa PdP untuk menghasilkan karangan yang matang.

# Penghargaan

## **PENASIHAT:**

**DR. MOHD AZAM BIN AHMAD**

## **PENGERUSI:**

**ENCIK BASRI BIN HASSAN**

## **URUS SETIA:**

**DR. HABIBAH BINTI MAT REJAB**

**DR JAIN BIN CHEE**

**PUAN AIMI MAHFUZAH BINTI MOHD. KAMALLUDEEN**

**PUAN LAILY FAZLIN BINTI DATO SRI KHAIRIL**

## **EDITOR:**

**ENCIK MOHD FATHI BIN ADNAN (KETUA EDITOR)**

**PUAN NORAZAH BINTI BIDI (PEN. KETUA EDITOR)**

**PUAN NORHATINI BINTI SHAARI**

**PUAN FAIZAH BINTI SAMAD**

**ENCIK IZZAT ISMAIL BIN IDRIS**

**ENCIK MAHADI BIN MAHMOD**

## **PANEL PENULIS:**

**KP & KPB BAHASA MELAYU SPM KERTAS 1**

**KP & KPB BAHASA MELAYU SPM KERTAS 2**

**KP & KPB BAHASA INGGERIS SPM KERTAS 2**

**KP & KPB SAINS SPM KERTAS 2**

**KP & KPB SEJARAH SPM KERTAS 2**

**KP & KPB MATEMATIK SPM KERTAS 2**

**KP & KPB MATEMATIK TAMBAHAN SPM KERTAS 1**

**KP & KPB MATEMATIK TAMBAHAN SPM KERTAS 2**

**KP & KPB KIMIA SPM KERTAS 2**